



20 MAR, 2023

## Bekalan telur pulih menjelang akhir tahun

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# Bekalan telur pulih menjelang akhir tahun

**Jakarta:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) menjaksa pengeluaran bekalan telur ayam dalam negara kembali pulih, menjelang hujung tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata ini didorong usaha kerajaan melalui kementerian berkaitan untuk memudahkan kemasukan pekerja sektor pertanian dan lain-lain sejak Januari.

"Insya-Allah pada tahun ini, pengeluaran telur ayam mencukupi dan mampu sampai ke tahap eksport pada hujung tahun," katanya pada majlis bersama diaspora Malaysia di Indonesia, di sini kelmarin.

Beliau berkata, risiko termasuk perubahan iklim dan penyakit akan terus diberi perhatian kerana boleh memberi kesan kepada pengeluaran sumber protein berkenaan.

Pada 16 Disember lalu, kementerian bersetuju memberikan kebenaran sementara kemasukan telur ayam dari sumber luar dan kebenaran itu akan dikaji semula apabila bekalan telur dalam negara kembali stabil.

"Selepas kemasukan telur ayam import, bekalan sekarang mulai stabil dan pada peringkat

ini, kita boleh hentikan import itu bila-bila masa sebab kita mahu utamakan pengeluar telur tempatan," kata Mohamad.

Beliau dan pegawai tinggi kementerian berada di sini sempena lawatan kerja tiga hari untuk melihat pendekatan baharu yang diguna pakai Indonesia dalam meningkatkan hasil padi.

Mohamad berkata, mereka berpeluang meninjau kejayaan persawahan yang penghasilannya mencukupi untuk seluruh rakyat Indonesia berjumlah 276 juta orang.

"Ini akan memberikan semangat kepada petani kita untuk berjaya sekiranya mereka bekerja seperti petani di sini, meskipun subsidi yang diberikan lebih rendah berbanding di Malaysia," katanya.

Menurutnya kementerian mahu mempercepat Tahap Saraf Diri beras negara daripada 65 peratus sekarang kepada 75 peratus menjelang 2025 dan seterusnya 80 peratus pada 2030.

"Ini akan tercapai jika hasil ditingkatkan kepada purata tujuh tan per hektar daripada lima tan per hektar," katanya sambil menambah ada beberapa tempat telah mencapai 10 tan per hektar.

BERNAMA



Mohamad Sabu bergambar selepas majlis bersama diaspora Malaysia di Indonesia, di Jakarta, kelmarin.  
(Foto BERNAMA)



20 MAR, 2023

## Bekalan telur pulih menjelang akhir tahun

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Jakarta: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) menjangka pengeluaran bekalan telur ayam dalam negara kembali pulih, menjelang hujung tahun ini. Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata ini didorong usaha kerajaan melalui kementerian berkaitan untuk memudahkan kemasukan pekerja sektor pertanian dan lain-lain sejak Januari. "Insya-Allah pada tahun ini, pengeluaran telur ayam mencukupi dan mampu sampai ke tahap eksport pada hujung tahun," katanya pada majlis bersama diaspora Malaysia di Indonesia, di sini kelmarin.